

MERANA LEPAS JADI ISTERI KEDUA

Siswa universiti awam hilang arah, keluarga belum tahu



**BERSAMA
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani

Kaunselor Berdaftar,
Majlis Kaunseling Pelajar,
Universiti Putra Malaysia,
siti@omhserapin.edu.my

Saya digantung tidak bertali selepas baru menyedari menjadi isteri kedua.

Lebih menyakitkan, tiada seorang pun mengetahui status saya. Seluruh hidup ini menjadi gelap dan saya tiada kekuatan untuk bertahan dan menghadapi tekanan ini.

Untuk pengetahuan puan, saya siswa tahun kedua di sebuah universiti awam. Saya mengenali suami menerusi laman sosial, dua tahun lalu. Sepanjang perkenalan, saya selesa dengannya. Hampir setiap minggu kami berjumpa dan dia

membawa saya bersiar-siar dan membelikan barang keperluan.

Hubungan itu menjadi lebih serius, namun saya tidak pernah beritahu keluarga atau rakan. Perhubungan kami berjalan seperti biasa sehinggalah enam bulan lalu dia mengajak saya bercuti di Haadyai.

Ketika itu saya sangat seronok kerana sudah lama ingin melancong ke luar negara. Tanpa fikir panjang, saya bersetuju bercuti bersamanya dan kami terlanjur.

Dia mengajak saya berkahwin dan saya bersetuju kerana bingung. Pada awalnya dia bertanggungjawab tapi menyuruh saya merahsiakan dulu perkahwinan kami sehinggalah saya terbaca mesej di telefonnya daripada

seorang perempuan yang rupa-rupanya isteri pertamanya.

Saya baru sedar menjadi isteri keduanya. Selepas pembohongannya terbongkar, dia menghilangkan diri dan tidak dapat dihubungi. Saya tertipu dan hilang arah kerana masalah ini. Bantulah saya.

**MALANG
Perlis**

Saya menghargai luahan hati anda. Oleh itu, saya menggariskan beberapa isu yang wujud dalam masalah diutarakan. Sungguhpun agak kompleks, masih ada penyesuaian emosi yang mampu memperbaiki fungsi diri.

Mengenai peristiwa itu, ia sudah berlaku namun anda masih dapat memurnikan segala kecelaruan dan perlu

memberi tumpuan kepada cara sesuai.

Isu pertama yang wujud ialah konflik nilai dan kerahsiaan antara anda dan keluarga. Isu ini agak kompleks kerana jauh menyimpang daripada apa yang sepatutnya berlaku mengikut adat dan norma sosial. Lebih baik anda memikirkkan kaedah sesuai untuk berkongsi masalah ini dengan ahli keluarga paling rapat dan memahami.

Keberanian perlu ada. Oleh itu, kenal pasti siapakah ahli keluarga yang anda yakin dapat membantu. Selepas itu, fikirkan cara menceritakan perkara yang berlaku. Secara praktikalnya, ia membantu anda meneruskan sesuatu yang sudah lama dirahsiakan.

Isu kedua ialah kesalahan dan kekecewaan. Hal ini berlandaskan pelbagai isu dan konflik yang

wujud sepanjang tempoh percutian ke negara jiran. Anda mengalami beberapa peristiwa dan pilihan yang tersasar daripada landasan sebenar. Perkara asas ialah bertaubat dan insaf.

Anggaplah ujian ini untuk mengajar anda hakikat untuk kembali ke jalan Allah. Pulihkan jiwa dan rohani dengan pelbagai pengisian agama serta mendekatkan diri kepada Allah.

Isu ketiga, perasaan dikhianati dan ditinggalkan tanpa rela. Ia sangat mencengkam emosi kerana risiko di luar jangkauan. Dalam hal ini, lebih baik anda mendahulukan penyelesaian isu pertama yakni berkongsi dengan ahli keluarga terdekat. Jika sudah bersedia anda boleh mendapatkan bantuan dan sokongan untuk mengharungi isu ditinggalkan.

Anda masih perlu melakukan sesuatu bagi mempertahankan hak sebagai isteri kedua dan perlu dilakukan dengan bantuan mereka yang lebih dewasa. Status anda juga perlu diperincikan secara sah dan mengikut undang-undang. Minta bantuan mereka yang boleh dipercayai dan mampu memahami anda.

Isu keempat ialah komitmen diri iaitu kesediaan mengikut pasangan ke Thailand dan akhirnya bernikah tanpa merujuk kepada ibu bapa serta melanggar hukum hakam. Ia memberi kesan kepada anda dan akibatnya perlu menanggung segala bebanan emosi.

Berikanlah diri anda peluang kedua untuk bertanggungjawab dan berusaha untuk memperbaiki apa yang termampu.

Akhirnya pemulihan emosi dan kekuatan spiritual perlu dimantapkan secara konsisten. Anda perlu mendapatkan perkhidmatan kaunseling keluarga secara bersemuka agar dapat memulihkan emosi dan berfikir secara rasional dan terarah. Ketenangan fikiran dan kestabilan emosi penting dalam mengharungi kesukaran sebegini. Minta bantuan rakan atau keluarga terdekat untuk berjumpa kaunselor berdaftar secara lebih terapatik.